



Untuk Terbitan Media  
4 Disember 2024

## SIARAN MEDIA

### **INOVASI RTW, MFJ PERKESO DAN 6 LAGI PROGRAM DIIKTIRAF DUNIA**

**RIYADH** – Forum Keselamatan Sosial Serantau (RSSF) untuk Asia dan Pasifik, antara program terunggul Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) di rantau ini menjadi wadah pertemuan pemimpin, penggubal dasar dan pakar untuk memperhalusi inovasi serta kemajuan terkini dalam keselamatan sosial. Tahun ini, forum yang berlangsung di Riyadh, Arab Saudi atas jemputan General Organization for Social Insurance (GOSI) turut menganjurkan Anugerah Amalan Terbaik ISSA bagi mengiktiraf usaha dirintis pentadbiran keselamatan sosial.

Daripada 187 penyertaan Amalan Terbaik dari seluruh rantau ini, anugerah berkenaan mengiktiraf inisiatif luar biasa yang menonjol dalam inovasi, kecekapan operasi, dan kecemerlangan pentadbiran. Malaysia, melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), menjadi tumpuan dengan memenangi lapan anugerah, termasuk dua Sijil Penghargaan dengan Tumpuan Khas.

Anugerah berkenaan mengiktiraf komitmen PERKESO dalam melaksanakan inisiatif keselamatan sosial yang berimpak tinggi, termasuk portal pekerjaan nasionalnya yang terkenal, MYFutureJobs, yang menerima tumpuan khas. Sehingga 22 November 2024, MYFutureJobs merekodkan 157,575 majikan berdaftar dan 1.38 juta kekosongan jawatan, menjadikan jumlah keseluruhan kekosongan sebanyak 11.4 juta sejak 2020. Platform ini turut merekodkan 2.85 juta pencari kerja. Selain itu, PERKESO menganjurkan 17,483 karnival kerjaya dan menubuhkan 294 pusat satelit MYFutureJobs di seluruh negara.

Program Return-To-Work (RTW) turut menerima tumpuan khas bersama enam inisiatif lain, dengan menggunakan kecerdasan buatan (AI) untuk menyegerakan pengurusan kes dan integrasi semula ke alam pekerjaan. Inovasi ini mencatatkan kadar kejayaan yang memberangsangkan sebanyak 75.26 peratus, dengan lebih 20,000 individu kembali bekerja setakat Oktober 2024.

Pengiktirafan PERKESO di RSSF menyerahkan keupayaan Malaysia dalam memahat penanda aras di rantau ini. Anugerah Amalan Terbaik yang dianjurkan setiap tiga tahun ini meraikan peranan organisasi anggota ISSA dalam memajukan sistem keselamatan sosial di peringkat global.

Anugerah ini bukan sahaja mencerminkan kecemerlangan operasi, malah menjadi platform perkongsian ilmu dan kerjasama antara anggota ISSA di seluruh dunia. Penerima lain dari Malaysia yang turut diiktiraf adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan negara sebagai peneraju inovasi keselamatan sosial.

RSSF 2024 menyediakan platform unik untuk pencapaian Malaysia bersinar di pentas antarabangsa, selain membincangkan cabaran serta peluang dalam keselamatan sosial. Agenda forum ini dipacu oleh dapatan utama daripada Laporan Perkembangan dan Trend ISSA, yang menunjukkan kemajuan ketara di rantau ini, termasuk peranan utama Asia-Pasifik dalam memperluas liputan keselamatan sosial di peringkat global.

Mengulas mengenai kejayaan ini, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, menekankan kepentingan kerjasama dan inovasi dalam membawa perubahan bermakna.

“Pengiktirafan ini mengesahkan dedikasi kami dalam membina sistem keselamatan sosial yang terangkum dan berdaya tahan. Inisiatif kami, seperti RTW dan MYFutureJobs, mencerminkan visi kami untuk melindungi dan memperkasakan penyumbang. Kami berhasrat untuk terus memperkuuh momentum ini dengan inisiatif seperti Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK), memastikan tiada kekosongan dalam jaringan keselamatan sosial kami,” katanya.

RSSF yang dihadiri lebih 400 peserta dari seluruh Asia-Pasifik menyerahkan peranan kritikal keselamatan sosial dalam menangani cabaran mendesak masa kini, daripada penuaan populasi kepada transformasi pasaran buruh. Dengan rekod pencapaian yang terbukti dan visi masa depan yang jelas, pengiktirafan PERKESO membuktikan kepimpinan Malaysia dalam membina sistem perlindungan sosial yang mapan, inovatif, dan terangkum.

**Tamat**

**###**

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan

Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**

**4 Disember 2024**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Iklil Fatihah Kamal Redzuan**

**+6019-7107479**

**[fatihah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatihah.redzuan@perkeso.gov.my)**